

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
(BESUT)**

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3) khasnya selepas pembinaannya tergendala seketika ekoran penularan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) melibatkan jajaran sepanjang 147km yang bermula dari Kampung Gemuruh, Terengganu dan berakhir di Pengkalan Kubor, Kelantan. Pada masa ini, Kementerian melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia sedang melaksanakan Kerja Awalan LPT3 dengan peruntukan RM35juta bagi memperincikan jajaran dan kos LPT3. Sehingga September 2021, status kemajuan kerja awalan adalah sebanyak 87%. Dapatan hasil kerja awalan LPT3 ini dijangka akan dibentangkan kepada Agensi Pusat pada April tahun 2022 bagi mendapatkan hala tuju pelaksanaan LPT3.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek naik taraf wad kebergantungan tinggi (*High Dependency Ward*) Hospital Besut selepas fasa pembinaannya dilaporkan akan siap pada awal tahun hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pembinaan *High Dependency Ward (HDW)* di Hospital Besut telah bermula pada 11 Ogos 2020. Status kemajuan kerja fizikal sebenar sehingga November 2021 adalah sebanyak 32.0%.
2. Setakat ini, pihak kontraktor sedang menyiapkan kerja-kerja dalaman seperti pemasangan *frame* pintu, kemasam lantai, dinding dan siling serta kerja-kerja elektrik seperti pemasangan konduit dan perpaipan.
3. Kementerian Kesihatan sentiasa memantau rapi pelaksanaan projek ini melalui mesyuarat pemantauan, mesyuarat tapak dan lawatan ke tapak projek agar ianya dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada bulan Oktober 2022.

Sekian, terima kasih.

